

# Kerajaan tekad noktahkan isu kemiskinan tegar

**Alor Setar:** Kerajaan bertekad untuk menoktahkan masalah kemiskinan tegar yang masih membelenggu kelompok rakyat tertentu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, adalah sesuatu yang mengaibkan apabila negara seperti Malaysia yang mempunyai pelbagai hasil masih gagal menyelesaikan isu kemiskinan tegar dalam kalangan rakyatnya.

Berikutan itu, katanya, tumpuan lebih akan diberikan ke-

pada negeri yang didapati mempunyai jumlah penduduk miskin tegar yang tinggi bagi membantu mereka keluar daripada kepompong kesukaran hidup.

“Tahun ini, kerajaan ambil keputusan menoktahkan kemiskinan tegar. Antara negeri yang masih catat jumlah kemiskinan tegar termasuk Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Kedah.

“Tanpa kecuai, kita akan tangani masalah kemiskinan tegar melalui pelbagai program

Kerajaan Perpaduan kerana kita tekad menoktahkan kemiskinan tegar di seluruh negara, termasuk Kedah.

“Saya minta kerjasama agensi kerajaan pusat, negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bantu. Adalah mengaibkan, negara ada potensi dan khazanah besar seperti minyak, gas, kelapa sawit dan industri, namun gagal menyelesaikan kemiskinan tegar,” katanya.

Berucap pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI di

Hotel Raia, di sini semalam, Anwar berkata, kerajaan pusat turut memberikan tumpuan kepada Kedah melalui pelbagai bantuan tanpa mengira kedudukan negeri itu di bawah pentadbiran berbeza dengan Putrajaya.

Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah turut berkenan mencemar duli berangkat hadir memeriahkan majlis berkenaan.

“Kedah antara negeri yang diberi tumpuan. Kita memutus-

kan untuk beri peruntukan yang tinggi berbanding tahun lalu, iaitu mencecah RM1.6 bilion pada 2023. Ia tidak termasuk bantuan seperti membaiki sekolah dan klinik daif serta projek bekalan air di beberapa daerah.

“Saya beri jaminan untuk mempercepatkan semua proses itu dengan kerjasama negeri dan PBT, selain ada permohonan lain yang kita akan beri pertimbangan sewajarnya,” katanya.